

Keluarga, waris akan diberi nasihat berhubung tuntutan insurans MH370, MH17

Pampasan: Waris akan dihubungi

Oleh **AHMAD SHAZWAN**
MD. YUSOF

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 22 Ogos

- Syarikat insurans atau ejen akan cuba menghubungi waris mangsa pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 dan MH370 bagi memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada

mereka mengenai kaedah mengemukakan tuntutan berikutan dua tragedi itu.

Menurut kenyataan Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), syarikat insurans dan ejen akan menubuhkan pusat perhubungan khas bagi membolehkan semua ahli keluarga dua pesawat itu memeriksa polisi insurans yang diambil oleh

mangsa.

"Sehingga kini, tiada sebarang kes melibatkan ahli keluarga yang tidak menyedari polisi insurans yang telah diambil mangsa.

"Dalam kes MH370, beberapa ahli keluarga mangsa belum bersedia untuk menuntut bayaran pampasan kerana berharap mangsa masih hidup," katanya dalam ke-

nyataan yang dikeluarkan hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, sebanyak RM7.1 juta bayaran pampasan belum dituntut oleh ahli keluarga mangsa pesawat MH17 dan MH370 daripada syarikat insurans dan ejen.

Sementara itu, menurut LIAM, ahli keluarga atau waris terdekat mangsa perlu mengemukakan per-

mohonan bagi menuntut bayaran pampasan daripada syarikat insurans dan ejen untuk diproses.

"Tiada jangka masa tertentu ditetapkan bagi ahli keluarga atau waris mangsa untuk memfailkan tuntutan insurans hayat. Tuntutan boleh dibuat pada bila-bila masa dan akan diproses sebaik sahaja borang permohonan diterima," katanya.